

21 FEB 2001

S'wak-Salahuddin

SALAHUDDIN DILANTIK YANG DIPERTUA NEGERI SARAWAK

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Tun Abang Haji Muhammad Salahuddin Abang Barieng hari ini dilantik Yang Dipertua Negeri Sarawak yang baru.

Salahuddin, 79, yang sebelum ini memangku jawatan itu menggantikan Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor yang meninggal dunia pada 5 Dis lepas.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menyampaikan suratcara pelantikan kepada Salahuddin dalam satu upacara di Istana Negara.

Turut hadir pada upacara itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri dari Sarawak, termasuk Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu.

Salahuddin pernah menjadi Yang Dipertua Negeri selama empat tahun mulai 2 April 1977.

Salahuddin yang dilahirkan di Sibul, memainkan peranan aktif dalam politik Sarawak sebelum pembentukan Malaysia, dengan membantu menubuhkan Barisan Pemuda Sarawak dan Parti Barisan Rakyat Jati Sarawak.

Juga hadir pada upacara itu ialah Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail, Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dan Peguam Negara Datuk Ainum Mohamed Said.

-- BERNAMA

NZ AU MAI